

3756/1
PRINSIP
PERAKAUNAN
OKTOBER
2003
1 ¼ JAM

3756/1

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU
PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003**

TINGKATAN EMPAT

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1. Antara berikut yang manakah **BUKAN** ciri milikan tunggal?
 - A. Dimiliki oleh seorang peniaga sahaja.
 - B. Modal disumbangkan oleh pemilik perniagaan.
 - C. Liabilitinya terhad.
 - D. Kadar cukai mengikut pendapatan perseorangan.

2. “Semua urusaniaga direkod mengikut harga sebenar yang dibayar atau ditanggung.”
Pilih konsep dan prinsip asas perakaunan yang **BETUL** berdasarkan pernyataan di atas.
 - A. Berterusan.
 - B. Wang Sebagai Ukuran
 - C. Pemandanan
 - D. Kos Sejarah

3. Manakah susunan kitaran perakaunan yang tepat?
 - A. Lejar → Buku Catatan Pertama → Imbangan Duga → Penyata Kewangan
 - B. Buku Catatan Pertama → Lejar → Imbangan Duga → Penyata Kewangan
 - C. Buku Catatan Pertama → Lejar → Penyata Kewangan → Imbangan Duga
 - D. Lejar → Imbangan Duga → Buku Catatan Pertama → Penyata Kewangan

4. Stok Akhir perniagaan boleh dikelaskan sebagai.....
 - A. Aset Semasa
 - B. Liabiliti Semasa
 - C. Aset Bukan Semasa
 - D. Ekuiti Pemilik

5. “Membayar pinjaman bank kepada Bank Cekal Bhd.”
Apakah kesan urus niaga di atas kepada persamaan perakaunan?
 - A. Aset bertambah dan liabiliti berkurang.
 - B. Aset berkurang dan liabiliti bertambah.
 - C. Aset bertambah dan liabiliti berkurang.
 - D. Aset berkurang dan liabiliti berkurang.

Soalan 6 dan 7 merujuk baki-baki akaun dibawah.

Maklumat berikut diambil dari buku perakaunan Perniagaan Wasimah.

	Debit RM	Kredit RM
Tunai	780	
Sewa	1 560	
Penghutang	3 300	
Pemiutang		2 750
Komisen		190
Insurans	390	
Alatan Pejabat	5 807	
Bank		4 988

6. Hitungkan jumlah belanja?
- A. RM 7367
B. RM 7557
C. RM 8147
D. RM 1950
7. Berapakah jumlah aset semasa?
- A. RM 9497
B. RM 9068
C. RM 4080
D. RM 9887

Soalan 8 dan 9 adalah berdasarkan jadual berikut, lengkapkan.

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Aset bertambah	debit		
(8)		kredit	
Ekuiti Pemilik Berkurang			(9)

8. A. Liabiliti bertambah
B. Liabiliti berkurang
C. Aset Berkurang
D. Ekuiti Pemilik bertambah

9. A. Debit
B. Kredit
C. Ekuiti Pemilik berkurang
D. Aset bertambah
10. Ahmad membawa masuk perabot dari rumah untuk kegunaan perniagaan. Nyatakan akaun yang terlibat.
- A. Dt Akaun Perabot Kt Akaun Ambilan
B. Dt Akaun Modal Kt Akaun Perabot
C. Dt Akaun Perabot Kt Akaun Modal
D. Dt Akaun Ambilan Kt Akaun Perabot
11. Lejar terbahagi kepada 2 kumpulan iaitu :
- A. Lejar Am dan Lejar Subsidiari (Lejar Kecil)
B. Lejar Jualan dan Lejar Belian
C. Lejar Am dan Lejar Jualan
D. Lejar Subsidiari (Lejar Kecil) dan Lejar Belian
12. Peniaga Ali membayar pemiutang dengan menggunakan cek. Nyatakan kesan dari urus niaga tersebut.
- A. Aset Bertambah , Liabiliti Berkurang
B. Aset Berkurang , Liabiliti Berkurang
C. Aset Bertambah , Aset Berkurang
D. Liabiliti Bertambah , Liabiliti Berkurang
13. Fungsi Imbangan Duga disediakan ialah untuk
- A. Menyenggaraikan baki semua akaun yang telah diimbangkan dalam lejar am.
B. Memastikan samada jumlah baki debit sama dengan jumlah baki kredit.
C. Memastikan Penyata Kewangan disediakan pada akhir sesuatu tempoh perakaunan.
D. Menyemak ketepatan catatan bergu dan ketepatan pengiraan dalam akaun-akaun lejar.

14. Pilih pernyataan yang **BENAR**.
- I. Aset mempunyai baki debit
 - II. Liabiliti mempunyai baki kredit
 - III. Belanja mempunyai baki kredit
 - IV. Ekuiti mempunyai baki kredit
- A. I sahaja
B. I dan III
C. I, II dan IV
D. I, II, III dan IV
15. Pilih tajuk Imbangan Duga yang **BETUL**.
- A. Imbangan Duga Pada 31 Ogos 2003
 - B. Imbangan Duga Berakhir Pada 31 Ogos 2003
 - C. Imbangan Duga Bagi Tahun Berakhir 31 Ogos 2003
 - D. Imbangan Duga Pada Tahun Berakhir 31 Ogos 2003
16. Berikut adalah Buku Catatan Pertama **KECUALI**:
- A. Jurnal Am dan Jurnal Khas
 - B. Buku Tunai
 - C. Buku Tunai Runcit
 - D. Buku Lejar
17. Encik Ahmad seorang peruncit menerima dokumen Nota Kredit daripada Syarikat Jati berjumlah RM150 pada 15 September 2003. Apakah Buku Catatan Pertama yang perlu dicatat bagi urus niaga tersebut:
- A. Jurnal Belian
 - B. Jurnal Jualan
 - C. Jurnal Pulangan Belian
 - D. Jurnal Pulangan Jualan

Soalan 18-20 berdasarkan akaun di bawah:

Akaun PerdaganganZ.....				
		RM		RM
Stok Awal		1,500.00	Jualan	7,000.00
Belian	3,500.00		- Pulangan Masuk	- 500.00
+Ang Masuk	100.00			6,500.00
Cukai	250.00			
X	260.00			
		4,110.00		
Kos Brg Jualan		5,610.00		
- Stok Akhir		780.00		
Y		4,830.00		
Untung Kasar		1,670.00		
		6,500.00		6,500.00

18. Namakan item yang bertanda dengan X ?
- Gaji
 - Insurans Kedai
 - Insurans belian
 - Insurans Pejabat
19. Apakah kemungkinan item yang bertanda dengan Y ?
- Kos barang untuk dijual
 - Kos jualan barang
 - Kos jualan
 - Kos barang jualan
20. Berikan tajuk yang sesuai bagi akaun yang bertanda dengan Z ?
- Akaun Perdagangan bagi tahun akhir 31 Disember 2003
 - Akaun Perdagangan tahun berakhir 31 Disember 2003
 - Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003
 - Akaun Perdagangan berakhirnya tahun 31 Disember 2003

Soalan 21-23 berpandukan maklumat dalam Kunci Kira-Kira di bawah:

Kunci Kira-Kira Pada 31 Mei 2003					
	RM	RM		RM	RM
Kenderaan	35,000.00		Modal		50,000.00
- Y	3,500.00	31,500.00	+ Untung Bersih		2,450.00
Alatan Pejabat		10,200.00	- X		750.00
Perabot		3,500.00			51,700.00
Penghutang		2,250.00	Pemiutang		1,200.00
Tunai		1,200.00	Z		218.00
Bank		3,568.00			
		52,218.00			52,218.00

21. Namakan item yang bertanda Y:

- A. Belanja Susut Nilai
- B. Peruntukan. Susut Nilai
- C. Susut Nilai Tetap
- D. Susut Nilai Kenderaan

22. Apakah kemungkinan item yang bertanda X?

- A. Rugi Bersih
- B. Ambilan
- C. Overdraf Bank
- D. Promosi

23. Z merupakan item liabiliti :

- A. Overdraf Bank
- B. Sewa dibayar tedahulu
- C. Faedah belum terima
- D. Gaji belum dibayar

24. Nilai penghutang bagi tahun berakhir Disember 2003 ialah RM60,000.00. Peruntukan Hutang Ragu ialah 10% setahun. Berapakah nilai Peruntukan Hutang Ragu jika terdapat seorang penghutang yang tidak dapat membayar hutangnya yang bernilai RM500.

- A. RM6,000.00
- B. RM5,500.00
- C. RM500.00
- D. RM5,950.00

25. Sebuah komputer yang bernilai RM5,000.00 telah disusutnilaikan mengikut kaedah baki berkurangan sebanyak 10% setahun. Berapakah Peruntukan Susut Nilai komputer tersebut pada akhir tahun kedua?
- A. RM500.00
 - B. RM450.00
 - C. RM950.00
 - D. RM1,000.00
26. Pada akhir tahun terdapat gaji yang belum dibayar oleh seorang peniaga. Bagaimanakah item ini direkodkan dalam Kunci Kira-kira?
- A. Di sebelah Aset Tetap dalam Kunci Kira-Kira
 - B. Di sebelah Aset Semasa dalam Kunci Kira-Kira
 - C. Di bawah Modal dalam Kunci Kira-Kira
 - D. Di bawah Liabiliti Semasa dalam Kunci Kira-Kira
27. Akaun Pendapatan bermaksud:
- A. Akaun Perdagangan sahaja
 - B. Akaun Untung Rugi sahaja
 - C. Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi
 - D. Akaun Perdagangan, Untung Rugi dan Kunci Kira-Kira
28. Untuk mendapat Modal Kerja kita hendaklah:
- A. menolak jumlah Liabiliti dari jumlah Aset
 - B. menolak jumlah Aset dari jumlah Liabiliti
 - C. menolak jumlah Liabiliti Semasa dari jumlah Aset Semasa
 - D. menolak jumlah Aset Semasa dari jumlah Liabiliti Semasa
29. Gaji bulanan seorang pekerja ialah RM800.00 dan dia menerima gajinya pada awal tiap-tiap bulan. Berapakah gaji yang sepatutnya diterimanya pada akhir tahun tersebut dan di manakah item tersebut direkod oleh peniaga?
- A. RM800.00 dalam Akaun Untung Rugi
 - B. RM8,800.00 dalam Akaun Untung Rugi
 - C. RM9,600.00 dalam Akaun Untung Rugi
 - D. RM9,600 dalam Kunci Kira-Kira.

Jadual I		
Penghutang	Tahun	Peruntukan Hutang Ragu 10%
RM32,000.00	2000	RM3,200.00
RM34,000.00	2001	RM3,400.00

30. Dari jadual I di atas berapakah jumlah yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi pada tahun 2001?
- RM3,200.00
 - RM3,400.00
 - RM6,600.00
 - RM200.00

Jadual II		
Aset	RM	Per Susut Nilai 10% 2001
Alatan Pejabat	50,000.00	RM5,000.00

31. Berdasarkan jadual II di atas berapakah Per Susut Nilai tahun 2002 mengikut kaedah baki berkurangan?
- RM5,000.00
 - RM4,500.00
 - RM9,500.00
 - RM500.00

Jadual III			
Penghutang	2001	RM45,000.00	Peruntukan Hutang Ragu 10%
Penghutang	2002	RM42,000.00	Peruntukan Hutang Ragu 10%

32. Mengikut jadual III berapakah jumlah Peruntukan Hutang Ragu yang perlu direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun 2002?
- RM4,500.00
 - RM4,200.00
 - RM 300.00
 - RM7,700.00

33. Encik Abu menerima dokumen A kerana membeli aset secara kredit. Dokumen A merujuk kepada:
- A. Invois
 - B. Keratan cek
 - C. Nota kredit
 - D. Resit
34. Antara berikut dokumen manakah yang **TIDAK** dicatat dalam Buku Catatan Pertama.
- I. Surat Tanya
 - II. Nota Pesanan
 - III. Memo
 - IV. Senarai Harga
- A. I sahaja.
 - B. I dan II sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I, II dan IV sahaja.
- 35.

<p>MEMO</p> <p>Kerani, Ambil barang niaga untuk kegunaan peribadi RM100.</p> <p><u>Jamilah</u> (Pengurus)</p>
--

Merujuk kepada dokumen di atas, Buku Catatan Pertama yang berkaitan ialah

- A. Jurnal Belian
- B. Jualan Jualan
- C. Buku Tunai
- D. Jurnal Am

36.

JURNAL BELIAN

Tarikh	Perkara	F	Jumlah
Mac 5	Syarikat Helmi		5 300
12	Kedai Ah Tong		4 800
31 Y		10 100

Merujuk kepada jurnal belian di atas Y ialah

- Pelbagai Pemiutang
- Pelbagai Penghutang
- Akaun Belian
- Pindah ke akaun belian

BUKU TUNAI

Tarikh	Butiran	Dis	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Disk	Tunai	Bank
Jan 1	Modal		500	5 000	Jan 2	Perabot			1 500
5	Jualan		250		3	Alatulis		80	
9	Syt. Ali	100		900	4	Belian		650	
11	Bank		290		11	Tunai			290
					12	Ambilan		120	

Soalan 37 hingga 39 merujuk kepada Buku Tunai (sebahagian) di atas.

37. Diskaun RM100 merupakan diskaun?

 - Diskaun Diterima
 - Diskaun Niaga
 - Diskaun Tunai
 - Diskaun Diberi
38. Dokumen yang paling sesuai untuk urusan niaga pada 11 Januari ialah...

 - Baucer Pembayaran
 - Keratan Cek
 - Slip Borang Wang Masuk
 - Resit Rasmi

39. Catatan pada 12 Jan adalah urus niaga...
- A. Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri RM120.
 - B. Pemilik mengambil wang tunai RM120 untuk membayar bil elektrik dan air untuk perniagaannya.
 - C. Pemilik mengambil wang tunai RM120 untuk membayar yuran sekolah anaknya.
 - D. Pemilik mengambil wang tunai RM120 untuk tujuan derma kebajikan.
40. Pernyataan berikut adalah betul **KECUALI** :
- A. Keseimbangan antara jumlah aset dengan jumlah liabiliti dan ekuiti pemilik adalah persamaan perakaunan.
 - B. Susut nilai aset semasa dan susut nilai tahun-tahun lepas adalah peruntukan susut nilai.
 - C. Peruntukan Hutang Ragu dan Hutang Lapuk mempunyai pengertian dan tujuan yang sama.
 - D. Sistem panjar digunakan dalam penyediaan buku tunai runcit.

KERTAS SOALAN TAMAT